

**KOTA KINABALU:** Ketua Wanita IKRAM Malaysia, Datin Paduka Che Asmah Ibrahim berkata amalan komunikasi berkualiti bermula di rumah mampu memberi anak-anak pengetahuan asas untuk menjauhi pornografi.

Menurut beliau, kualiti komunikasi yang diamalkan oleh ibu bapa dan ahli keluarga perlu bermula sejak awal dan wajar diterapkan untuk didikan anak-anak.

"Amalkan komunikasi terbuka dalam rumah tangga sesama suami isteri untuk tujuan memberi didikan kepada anak-anak.

"Penglibatan proaktif dari peneraju keluarga mampu membantu anak-anak untuk lebih peka dan tidak terjerumus ke arah pornografi sekaligus menjadi mangsa pedofilia kepada golongan yang tidak bertanggungjawab," katanya ketika hadir memberikan ucaptama dalam Seminar Ancaman Pedofilia dan Pornografi; Selamatkan Anak Kita di Auditorium Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Beliau memberitahu bahawa kebanyakan anak-anak yang menjadi mangsa kepada dalam masalah pedofilia adalah anak-anak yang berasal dalam keluarga yang kurang menga-

# Tingkatkan kualiti komunikasi bersama anak, kata Asmah

malkan komunikasi proaktif.

Menurut beliau lagi, anak-anak wajar diberi peluang untuk menyuarakan apa yang dilalui mereka kerana mereka adalah golongan yang naif dan tidak berbohong ketika menyampaikan atau meluahkan perasaan mereka.

"Kebanyakan mangsa kes pedofilia adalah kanak-kanak yang menjadi mangsa kepada golongan dewasa yang terdekat seperti bapa saudara, abang dan sepupu.

"Sehubungan itu, ibu bapa seharusnya mendengar luahan dan aduan yang anak-anak suarakan dan membuat siasatan supaya kita dapat menyelamatkan anak-anak kita daripada menjadi mangsa kepada golongan bernafsu songsang itu," katanya lagi.

Tambahnya, masyarakat sekeliling turut memainkan peranan penting dalam usaha menjaga dan melindungi anak-anak secara serius

kerana faktor persekitaran antara penyumbang kepada jenayah ini.

"Kita tidak perlu merasakan kita ini golongan yang menjaga tepi kain orang, kita perlu menjalankan tanggungjawab kita sebagai masyarakat kerana anak jiran kita juga adalah anak kita, dan anak kita adalah anak jiran kita.

"Menjaga maruah dan melindungi anak-anak kita adalah menjadi tanggungjawab kita bersama," jelasnya.

Beliau menegaskan bahawa kes pedofilia yang makin menular antaranya adalah disebabkan oleh peningkatan teknologi internet yang menyebabkan penyakit mental kepada golongan yang menjadi ketagihan semasa.

"Telefon pintar, dimana-mana saja akses kepada benda-benda yang merangsang nafsu ada dan golongan yang tidak menggunakan

teknologi dengan cara yang betul adalah perosak kepada anak-anak kita apabila menjadi tempat mereka melempaskan nafsu.

"Faktor lain juga adalah kerana mereka kurang keyakinan untuk berhubungan dengan orang dewasa dan kebiasaan golongan ini sukar dikesan kerana mereka juga kelihatan normal seperti kita dan terlalu sayangkan kanak-kanak," tegas beliau.

Menurutnya, 80 peratus kajian menunjukkan kanak-kanak berusia bawah 10 tahun kini sudah terdedah kepada kancan pornografi dan membawa kepada ketagihan serius jika tidak diberi rawatan psikologi.

"Jenayah siber membuka ruang merosakkan minda anak-anak kita sekaligus menjadinya punca kepada pornografi kanak-kanak dan anak-anak menjadi mangsa pedofilia," katanya ketika ditemui.